

# KERATAN AKHBAR

TARIKH : 30 SEPTEMBER 2022

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 20

## FELDA terima 1,570 lembu baka Brahman Kacukan

# FELDA terima 1,570 lembu baka Brahman Kacukan

**Bekalan diterima dari Australia bagi jayakan Projek Khas PPP Hab Lembu Pedaging FELDA Sahabat**

Oleh Nas Norziela Nasbah  
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) menerima 1,570 lembu baka Brahman Kacukan bagi pelaksanaan Projek Khas Program Pembangunan Peneroka (PPP) Hab Lembu Pedaging FELDA Sahabat di Sabah.

Pengarah Jabatan Pembangunan Pertanian dan Penternakan FELDA, Hasrin Ismail, berkata bekalan lembu yang diterima dari Australia itu digunakan untuk dijadikan baka ternakan secara integrasi di ladang sawit peneroka. Katanya, projek itu adalah sebahagian daripada Pelan Ruminan FELDA yang diinspirasikan untuk menyumbang sehingga 2.5 peratus kepada kadar Sara Diri Nasional (SSN) menjelang tahun 2026.

"Bagi projek PPP kali ini, sebanyak 1,570 lembu diterima dengan 90 lembu jantan dan bakinya

adalah lembu betina yang diuruskan Koperasi Pemodal FELDA (KPF) yang dilantik sebagai ejen perolehan projek ini.

"Insyallah berkat daripada usaha dijalankan kali ini, kerjasama yang dijalankan antara FELDA, KPF peneroka di FELDA Sahabat 1-5 dan tidak lupa Bumi Hijau Agrofarm yang bertindak sebagai operator keseluruhan," katanya.

Projek Khas PPP Hab Lembu Pedaging FELDA Sahabat di Sabah adalah satu usaha FELDA untuk membantu negara dalam menyelesaikan masalah sekuriti makanan yang kian meruncing akibat isu rantaian bekalan global.

### Berkembang 5 tahun lagi

Projek itu juga bertindak sebagai serampang dua mata yang mana ia dijalankan menerusi pembabit koperasi rancangan ini akan memberi manfaat secara terus kepada peneroka FELDA.

Mengulas lanjut, Hasrin berkata, pihaknya berharap projek itu akan berkembang dalam tempoh lima ke enam tahun, jumlah lembu yang akan diternak akan mencapai sasaran.

"Sama-sama kita doakan agar projek PPP ini berjaya dan mencapai matlamat yang objektifnya menambah pendapatan peneroka dan membantu negara dalam mencapai SSL menjelang 2026," katanya.

Sementara itu, Ketua Peneroka FELDA Wilayah Sahabat, Amit



Pihak FELDA menguruskan ketibaan ternakan di Pelabuhan Lahad Datu.

Inyok, melahirkan rasa syukur atas keprihatinan kerajaan melalui FELDA yang banyak membantu warga peneroka.

"Kami bersyukur atas keprihatinan kerajaan yang banyak membantu warga peneroka antaranya melalui Program Pembangunan Peneroka (PPP). Lembu yang diterima ini juga membuktikan komitmen FELDA untuk menjayakan projek ini bagi memberi manfaat penuh kepada warga peneroka," katanya.

Bagi Generasi baharu FELDA yang bekerja di kandang ternakan Baiduri, Zulkhairul Adzlie Ejim, berkata PPP memberi manfaat kepada peneroka FELDA khususnya golongan peneroka belia mengenai ilmu baharu dalam penternakan lembu.

Katanya, sebagai generasi muda peneroka, peluang itu tidak boleh disia-siakan memandangkan inisiatif kerajaan melalui FELDA menyediakan akses untuk meningkatkan taraf kehidupan.

"Saya bersyukur kerana berpeluang bekerja di sini. Walaupun baru hanya empat bulan mengendalikan tugas di sini, banyak ilmu mengenai penternakan dipelajari."

"Pastinya, ini peluang yang terbaik dan usaha FELDA amat saya hargai sebagai generasi baharu peneroka," katanya yang berasal



Hasrin memeriksa lembu yang tiba dari Australia.

dari FELDA Sahabat 3 itu.

Terdahulu, dijangkakan 871 peneroka dari FELDA Sahabat 1 sehingga 5 akan dapat meraih pendapatan tambahan sehingga RM8,000 dalam tempoh empat tahun melalui dividen koperasi.

Bagi memastikan kejayaan projek itu, operasi dan pengurusan penternakan lembu di Hab Lembu Pedaging FELDA Sahabat akan diselia penternak berpengalaman yang juga generasi baharu FELDA, Bakri Pawardi.

Kejayaan Bakri menjalankan perniagaan penternakan melalui syarikat Bumi Hijau Agrofarm dengan bilangan lembu melebihi 4,000 ekor membuktikan komitmen dan dedikasi beliau dalam industri yang mencabar ini.

Secara keseluruhannya, projek itu dijangka akan dapat mengeluarkan sehingga 1,000 tandang lembu pada tahun keempat ternakan, iaitu 2025 dengan unjuran pendapatan kasar RM18 juta.



Baka Brahman Kacukan dijadikan baka ternakan secara integrasi di ladang sawit peneroka.



Generasi kedua FELDA Sahabat 3, Zulkhairul amat berminat mendalami ilmu penternakan lembu.